

# 8

## KESANTUNAN DAN CINTA DALAM PANTUN MELAYU: MENYEMAI KEINTELEKTUALAN PEMBANGUNAN INSAN

Nor Suhaila Che Pa dan  
Suzana Sulaiman

### PENDAHULUAN

---

#### **Pantun: Jambatan Memperkasa Pembangunan Insan**

*Sinar kejora bersilih masa,  
Dari kayangan kilau biasan;  
Indah bicara lembut bahasa,  
Erat hubungan sesama insan.*

Pantun begitu sarat dengan bahasa yang indah di samping menjadi manifestasi pemikiran seseorang. Bahasanya ringkas, tetapi cukup indah dengan maksud yang tersirat dan menjadi saluran yang amat berkesan bagi menyampaikan perasaan yang halus. Binaan pantun juga membentuk lambang bahasa yang bersopan dan kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat. Pantun kemudiannya berkembang selari dengan arus kehidupan masyarakat yang menterjemahkan world-view masyarakat yang mengujarkannya. Namun, perkembangan tersebut tidak dapat mencatatkan keindahan binaan pantun yang dapat digunakan dalam aspek pendidikan, adat istiadat, hiburan, mahupun gurauan hingga ke hari ini.

Melihat dari aspek keindahan dan kepentingan pantun tersebut, penulis cuba untuk melihat kesantunan dan pemikiran cinta yang sarat dalam pantun yang dibataskan kepada pantun percintaan dalam Kumpulan Pantun Melayu (Zainal Abidin Bakar, 1992) sebagai jambatan dalam memperkasa pembangunan insan yang holistik.

## DALAM PANTUN ADA KESANTUNAN

---

Pantun merupakan antara bentuk bahasa yang melambangkan kesantunan yang tinggi. Dalam hal ini, Mohammad Fadzeli Jaafar (2000) menyatakan bahawa "...dalam pantun Melayu, disulami bahasa yang sopan". Oleh kerana cakupan kesantunan bahasa sangat luas, pengkaji menfokuskan kepada penggunaan kata sapa dan kata ganti nama diri yang terdapat dalam pantun yang dikaji. Justifikasinya, kata sapaan dan kata ganti nama diri menjadi satu aspek yang penting dalam kesantunan bahasa. Cuba bayangkan situasi di kafeteria apabila dua ayat berikut dituturkan:

*Pelajar A: "Bagi teh ais satu."*

*Pelajar B: "Pak cik, bagi saya teh ais satu."*

Kehendak kedua-dua pelajar dalam perbualan di atas adalah sama, iaitu teh ais. Namun, bentuk bahasa yang digunakan adalah berbeza, iaitu pelajar A tidak menggunakan kata sapaan manakala pelajar B menggunakan kata sapaan dan kata ganti nama diri. Pastinya bentuk bahasa pelajar B lebih bersantun berbanding dengan pelajar A. Bagi penulis, penggunaan kata sapaan dan kata ganti nama yang tepat dapat menyerlahkan kesantunan dalam berbahasa. Hal ini dapat disokong oleh pendapat Teo Kok Seong (2003) iaitu penggunaan kata ganti nama merupakan antara aspek penting dalam kesantunan berbahasa dalam bahasa Melayu. Begitu juga yang dinyatakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2003), penggunaan kata sapaan sama ada dalam konteks rasmi atau tidak rasmi amat penting dan perlu dititikberatkan kerana sifat bahasa Melayu itu sendiri yang mempunyai jati diri yang tinggi dan melambangkan kesopanan dan kesantunan masyarakat Melayu. Kedua-dua aspek ini seterusnya cuba diselami dalam kumpulan pantun Melayu.

Berdasarkan analisis yang dibuat, kata sapaan dan kata ganti nama diri yang menyerlah dalam pantun yang dikaji ialah 'tuan', 'abang', 'adik', 'saya' dan 'ku'. Kata sapaan 'tuan' didapati paling menyerlah penggunaannya, iaitu melebihi 20 rangkap pantun. Antaranya dapat dilihat melalui pantun berikut: